

06 FEB 2000

Mahathir-Lumba Basikal

DR MAHATHIR HARAP LTDL JADI SATU DARIPADA PERLUMBAAN BERTARAF DUNIA

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau gembira melihat Le Tour de Langkawi (LTdL) diterima dengan baik oleh masyarakat pelumba antarabangsa dan berharap ia akan menjadi satu daripada acara lumba basikal yang terbaik di dunia.

Dr Mahathir juga menggesa rakyat Malaysia supaya menjadikan lumba basikal sebagai minat pada usia muda bagi membolehkan Malaysia menghasilkan juara lumba basikal bertaraf dunia pada masa akan datang.

Beliau berkata sejak dimulakan lima tahun lepas, LTdL semakin berkembang maju dan kukuh dan perlumbaan tahun ini adalah yang terbesar setakat ini.

"Kita mempunyai pelumba dari seluruh dunia termasuk Amerika yang menyertai buat julung kalinya dan ia menunjukkan prestasi yang sangat baik," kata beliau pada ucapan menandakan berakhirnya perlumbaan 12 peringkat itu di Dataran Merdeka di sini, hari ini.

Dr Mahathir berharap penggredan bagi kejohanan itu meningkat untuk menggalakkan lebih ramai pelumba bertaraf dunia menyertai kejohanan itu.

Dr Mahathir juga menyatakan penghargaannya terhadap sokongan yang ditunjukkan oleh semua rakyat Malaysia yang hadir secara beramai-ramai di kebanyakan peringkat perlumbaan bagi memberi galakan kepada para pelumba.

Beliau berkata pada mulanya, idea kejohanan itu sekadar mengadakan perlumbaan berskala kecil di sekitar pulau Langkawi tetapi penganjur berpendapat ia perlu diadakan secara besar-besaran dengan menjadikan perlumbaan terkenal di dunia, Tour de France, sebagai contoh.

Ini dapat dilakukan dengan sokongan rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat, sukarelawan, agensi kerajaan dan penaja korporat serta pegawai lumba basikal tempatan dan asing.

"Saya berasa sangat bangga dengan sokongan yang ditunjukkan oleh semua orang, termasuk rakyat di Selangor semalam yang keluar beramai-ramai (menyaksikan perlumbaan) walaupun semalam adalah sambutan tahun Baru Cina...naga atau tidak, perlumbaan tetap diteruskan," katanya.

Dr Mahathir turut memuji pasukan Amerika Syarikat, Mercury, yang menjadi juara keseluruhan dalam perlumbaan pertama mereka, serta pasukan negara yang menurutnya menunjukkan prestasi "yang tidak begitu buruk."

Beliau juga berharap pasukan luar negara akan kembali bersama-sama dengan keluarga dan rakan-rakan mereka ke negara aman ini dan menikmati kemersraan dan keramahan rakyat Malaysia serta tempat-tempat pelancongan.

Kemudian pada satu persidangan berita, Dr Mahathir berkata usaha-usaha akan diambil untuk menarik lebih ramai pelumba terkenal, termasuk meningkatkan hadiah kemenangan.

Ditanya mengapa sesetengah negeri di Malaysia tidak dimasukkan di dalam perlumbaan sejauh 1,600km tour, Dr Mahathir berkata berikutan masalah logistik, iadalah sukar untuk memasukkan semua negeri di Malaysia.

"Tetapi kami akan mengkaji perkara itu," katanya.

Dr Mahathir juga menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang pelbagai kategori selepas tamatnya 12 pusingan perlumbaan itu yang membawa para pelumba ke seluruh bandaraya pada hari terakhir kejohanan itu.

-- BERNAMA

AR MAM NAK